

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA 2000/2001 PERSATUAN
FRANCAIS MALAYSIA
DI KRISTAL BALLROOM, HOTEL PJ HILTON
6 APRIL 2001

Saya ingin mengucapkan penghargaan saya kepada Persatuan Francais Malaysia (MFA) kerana sudi menjemput saya untuk berucap dan menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Francais sempena Majlis Makan Malam Perdana 2000/2001 pada malam ini.

2. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana kita dapat berkumpul pada malam ini dalam suasana kekeluargaan dan dengan penuh semangat untuk terus maju dan berjaya. Dalam dunia yang penuh cabaran dan persengketaan di sana sini, kita di Malaysia sungguh bertuah dan sentiasa diberkati Allah SWT kerana dikurniakan dengan keamanan dan kestabilan. Suasana yang kondusif inilah yang menjadi asas penting dalam memajukan ekonomi Malaysia serta mengurangkan impact tekanan yang diluar kawalan kita, seperti kelembapan ekonomi terbesar seperti Jepun dan Amerika Syarikat.

3. Saya bangga pada malam ini kita akan melihat usahawan-usahawan bumiputera menerima anugerah kecemerlangan hasil usaha gigih mereka. Ini membuktikan bahawa walaupun dunia dikelilingi kita menghadapi berbagai masalah dan rintangan, rakyat dinegara kita masih dapat menjalankan perniagaan serta kehidupan harian tanpa diganggu. Walaupun ada juga usaha-usaha pihak tertentu untuk mengganggu ketenteraman awam tapi ia dapat dikawal oleh pihak keselamatan dari tragedi itu merebak dan juga ditolak oleh keseluruhan masyarakat negara ini.

4. Kejayaan kita adalah hasil perkongsian bijak di antara rakyat dan pentadbir dan selagi kita bersatu padu menghadapi rintangan dari luar dan dari dalam, maka InsyAllah, kita akan terus diberkati Allah s.w.t. dan mendapat kejayaan. Perlu juga saya tegaskan di sini bahawa kekayaan dan pembangunan negara banyak bergantung kepada kejayaan peniaga dan pengusaha kita. Selain dikehendaki membayar cukai kepada kerajaan, kegiatan golongan ini juga menolong 'money circulation', mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menggerakkan ekonomi. Wang yang tidak bergerak tidak akan membawa apa-apa faedah. Tanpa semua yang saya sebutkan tadi ekonomi negara tidak mungkin tumbuh pesat.

5. Semasa negara-negara Asia dilanda krisis matawang dan ekonomi, Kerajaan Malaysia telah membentuk dasar kawalan wang yang pada mulanya dicemuh dan dikritik oleh dunia luar, termasuk orang kita sendiri.

6. Namun, pada umumnya, rakyat keseluruhannya memberi sokongan padu kepada langkah-langkah ini dan akhirnya, kita lihat hasilnya. Baru-baru ini, Bank Pembangunan Asia mengeluarkan kenyataan bahawa di antara negara-negara yang dilanda krisis ekonomi, Malaysia adalah negara yang akan mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada tahun ini. Ini lebih bermakna jika kita lihat bahawa antara negara-negara yang disebut oleh ADB, hanya Malaysia yang menolak apa jua bantuan dari IMF dan Bank Dunia.

7. Kita hanya boleh berjaya jika rakyat bersatu padu dan bekerjasama dengan Kerajaan hari ini. Dengan kerjasama ini ia boleh menolong iklim perdagangan yang baik. Kita telah melihat dengan mata kepala kita sendiri bagaimana negara yang kaya dengan sumber alamnya, rakyatnya cekap bekerja tetapi menjadi sia-sia apabila politiknya tidak stabil. Inilah yang dimaksudkan saya bila saya sebut tentang perkongsian bijak di antara rakyat dan pentadbir.

8. Baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat termasuk menyuntik RM3 billion untuk belanjawan tambahan. Tindakan berbentuk "pre-emptive" ini perlu diambil untuk mengelakkan keadaan dimana ekonomi kita merosot. Kita tidak mahu melalui keadaan seperti kita mengalami pada tahun 1997/98 apabila dilanda krisis matawang.

9. Apabila kita kaji balik keadaan ketika itu, kita harus insaf dan bersyukur bahawa walaupun Kerajaan mengambil langkah seperti kawalan matawang yang dianggap unorthodoks, kita telah berjaya memulihkan ekonomi kita. Jika kita tidak ambil tindakan sedemikian, kita pasti akan dilanda keadaan lebih teruk seperti kita lihat di beberapa negara lain dimana perniagaan ditutup, pekerja diberhentikan dan berlaku huru-hara.

10. Perniagaan francais seperti yang dikendalikan Saudara-saudari pun terjejas dan akhirnya yang akan rugi adalah rakyat keseluruhannya. Saya diberitahu bahawa semasa kegawatan ekonomi seramai 162 dari 766 usahawan francais bumiputera telah menutup perniagaan mereka. Mereka yang gagal ini ialah mereka yang menjalankan perniagaan yang bergantung rapat kepada pertumbuhan ekonomi seperti perniagaan kosmetik, kedai gambar dan penyelenggaraan bangunan. Walau bagaimanapun kegagalan mereka ini bukanlah mencerminkan kegagalan keseluruhan sistem francais ini tetapi keadaan dan suasana yang diluar kawalan kita maka ia berlaku.

11. Program pembangunan francais telah mula dilaksanakan pada tahun 1992. Objektif program ini ialah untuk meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam perniagaan francais. Sehingga bulan Mac 2001, kita telah berjaya menghasilkan 604 orang francais dalam pelbagai bidang seperti 191 francais dalam bidang keperluan rumah, 108 bidang kosmetik wanita, 65 bidang makanan, 41 perniagaan kedai gambar dan bakinya dalam lain-lain bidang seperti komputer dan barangan kulit.

12. Mungkin dari segi jumlahnya nampak sedikit tetapi jika kita lihat dari segi purata, setiap tahun kita berjaya menghasilkan sebanyak 65 orang usahawan bumiputera dan bilangannya sedang bertambah dengan adanya skim baru seperti PROSPER. Kerajaan terus komited terhadap mendirikan satu golongan peruncit Bumiputera yang kukuh yang mempunyai rangkaian di seluruh negara dan ini dapat dilihat dari usaha-usaha yang dimajukan seperti Skim PROSPER.

13. Izinkan saya menyentuh tentang Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan atau PROSPER. Seperti yang kita sedia maklum PROSPER telah dilancarkan pada Ogos 2000 dengan objektif untuk menambah penyertaan usahawan Bumiputera di samping meningkatkan kualiti hidup mereka dalam sector peruncitan. Setakat ini PROSPER telah melatih 1,288 peserta melalui 26 bengkel yang melibatkan pelbagai bidang peruncitan. Saya difahamkan sehingga kini 17 peserta telahpun memulakan perniagaan masing-masing di bawah program ini.

14. Setakat ini PROSPER telah meluluskan 16 francaisor dalam panel PROSPER dan 7 francaisor lagi di dalam proses penilaian. Suka juga saya menyarankan francaisor-francaisor untuk memberi pakej yang istimewa kepada PROSPER memandangkan skim ini adalah satu agenda nasional bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan runcit. Penyertaan Bumiputera dalam bidang ini adalah penting dalam konteks kestabilan sosio- ekonomi negara.

15. Sementara itu, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kerajaan juga telah menasarkkan sebanyak 750 francais dengan membangunkan sekitar sepuluh produk pada setiap tahun. Matlamat Kerajaan ialah untuk membangunkan 50 produk sehingga akhir Rancangan Malaysia Kelapan.

16. Untuk memastikan unjuran itu tercapai, Kerajaan telah mengatur beberapa strategi untuk dilaksanakan, seperti berikut:

- Memastikan perniagaan francais yang sedia ada dipasaran sentiasa kukuh untuk berdepan dengan trend pasaran global hari ini;
- Membangunkan lebih banyak produk francais tempatan yang berpotensi dan berdaya saing untuk pasaran tempatan dan luar negara seperti makanan, kraf tangan, pelancongan, pendidikan dan makanan halal seperti restoran;
- Rantaian perniagaan runcit yang akan dilakukan melalui kaedah "jump-start" bagi membanyakkan lagi usahawan francais di negara;
- Meningkatkan bilangan jururunding di bidang francais;
- Memantapkan lagi Akta Francais 1998 untuk mengawal selia industri francais dan menjamin kualiti sistem francais tumbuh dengan sihat; dan
- Meningkatkan pengetahuan orangramai mengenai system francais melalui khidmat nasihat, latihan, ekspo dan seminar.

17. Kerajaan telah dan akan menyediakan berbagai rancangan untuk membantu francais dan bakal francais. Namun, semua rancangan ini tidak akan berhasil jika para francais sendiri tidak berikhtiar dan bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan perniagaan mereka. Skim francais ini bukan skim cepat kaya. Tetapi jika dikendalikan dengan betul dan jujur, maka saya yakin kita akan berjaya meninggikan mutu penghidupan kita.

18. Disini, izinkan saya memetik satu ungkapan yang menyatakan bahawa jika kita memberi ikan kepada seseorang, ianya akan dapat makan untuk sehari. Tetapi jika kita mengajar seseorang itu cara menangkap ikan, maka ianya tidak akan lapar selamanya.

19. Matlamat Kerajaan ialah untuk menghasilkan satu golongan francais yang kukuh dan ianya hanya akan terhasil jika mereka yang terbabit menyempurnakan diri dengan kemahiran. Kemahiran inilah akan memberi makanan selamanya kepada mereka yang berikhtiar.

20. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Francais Malaysia yang telah berjaya membantu ahli-ahlinya melalui usaha-usaha untuk memajukan perniagaan francais. Saya mengucapkan syabas kepada semua yang hadir yang terlibat dalam perniagaan francais atas kegigihan saudara-saudari untuk berjaya dalam bidang yang diterokai.

21. Bagi pihak Kerajaan, saya memberi jaminan bahawa kita akan berusaha sedaya upaya untuk membantu saudara- saudari sekalian demi kepentingan negara.

22. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk menghadiri Majlis makan Malam pada hari ini dan saya mengucapkan para hadirin selamat maju jaya dalam usaha memajukan industri francais ini.

Terima kasih.